



**BALAI SENI NEGARA**  
**2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak,**  
**53200 Kuala Lumpur.**

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

Email: [pr.artgallery@1govuc.gov.my](mailto:pr.artgallery@1govuc.gov.my)

Website: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)



**UNTUK SIARAN SEGERA**

**SIARAN MEDIA**

# **#ibrahimhusseinlangkawi**

## **PAPARAN ARKIVAL IBRAHIM**

### **HUSSEIN**

10 MAC 2021 - Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Balai Seni Negara akan menganjurkan pameran bertajuk ARKIB (Re-Collecting Memory on Photography of Ibrahim Hussein Museum and Cultural Foundation) bagi memperingati tokoh seni negara Datuk Ibrahim Hussein. Beliau telah berjaya membina dan mengusahakan Muzium dan Yayasan Seni Ibrahim Hussein (IHMCF) di pulau Langkawi pada tahun 1991 dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) yang memaparkan hampir 100 buah karya beliau. Muzium ini berada dalam kawasan Langkawi Geopark yang telah diiktiraf oleh UNESCO.

Menyorot kembali perjalanan seni beliau, sekembalinya dari luar negara Datuk Ibrahim Hussein menjadi satu inspirasi kepada warga seni sejak 1960-an melalui karya-karya yang radikal dan *futuristic*. Beliau juga aktif berpameran di dalam dan luar negara dan dikenali di arena seni antarabangsa.

Pameran ARKIB ini akan mempamerkan rakaman gambar kenangan yang dikongsikan di dalam media sosial melalui tanda pagar (hashtag) #ibrahimhusseinlangkawi dimana kepada mereka yang pernah berkunjung ke IHMCF dan mempunyai koleksi gambar kenangan disana boleh menghantarkan gambar tersebut melalui tanda pagar ke laman sosial rasmi Balai Seni Negara samada melalui Instagram, Facebook mahupun Twitter. Kepada mereka yang berkongsi berpeluang memenangi cenderamata daripada Balai Seni Negara. Melalui pameran ini juga dapat diperlihatkan koleksi arkiban fotografi, keratan akhbar, majalah serta buku penulisan mengenai beliau.

Perkongsian pameran ini diharap menzahirkan kesedaran terhadap keperluan institusi yang diberi tanggungjawab utama bagi memelihara warisan visual tanah air serta di Asia Tenggara.

Tamat

# # #

---

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**National Art Gallery**

**Sarifah Bte Abu Bakar Ebau**

T: +60 16 494 7921

E: [sarifah@artgallery.gov.my](mailto:sarifah@artgallery.gov.my)

**Annisa Mohamad Noor**

T: +60 10 366 0682

E: [annisa.mohdnoor@gmail.com](mailto:annisa.mohdnoor@gmail.com)

**Communication Corporate Unit**

**National Art Gallery, Malaysia**

**No. 2 Jalan Temerloh, OFF Jalan Tun Razak**

**53200 Kuala Lumpur**

**Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998**

**E: [pr.artgallery@1govuc.gov.my](mailto:pr.artgallery@1govuc.gov.my)**

**W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)**